

Kawal dagangan tidak ketara: PM

BH 18 JUL 1984

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menekankan perlunya jentera kerajaan disusun dengan lebih teliti sebagai langkah awal memperbaiki perdagangan tidak ketara yang kini merugikan negara.

Katanya, pengawalan yang teliti ke atas keupayaan jentera itu akan menghindar corak pentadbiran yang sempit dan memberikan galakan kepada sektor swasta untuk memperkukuhkan lagi keupayaan negara mengatasi segala bentuk kelemahan yang mengancam perdagangan tidak ketara.

Perdagangan tidak ketara ialah import dan eksport perkhidmatan seperti tambang kapal insurans, pengangkutan udara dan perbelanjaan pelancong.

Perdana Menteri menegaskan, setakat ini jentera kerajaan belum digerakkan sepenuhnya bagi menghadapi pelbagai rintangan dan masalah dalam mengatasi kekuranganimbangan perdagangan tidak

ketara. Ketika berucap, merasmikan seminar mengenai perdagangan tidak ketara antara Malaysia dan Britain di sini, Datuk Seri Dr Mahathir mencadangkan sesebuah unit atau agensi kerajaan itu diberikan tanggungjawab untuk menyelaraskan penggubalan dasar, pembuat keputusan dan melaksanakan pelbagai bidang perdagangan tidak ketara.

Seminar dua hari itu dianjurkan bersama oleh Majlis Mengenai Eksport Tidak Ketara British dan Majlis Mengenai Perdagangan Tidak Ketara Malaysia.

Meningkat tiap tahun

Perdana Menteri berkata, Malaysia mengalami kurangan yang besar dalam perdagangan tidak ketara dan jumlah itu meningkat setiap tahun.

Tahun lalu, kurangan dagangan tidak ketara ialah \$8.300 juta dan paras ini dijangka meningkat kepada \$9,500 juta tahun ini berbanding hanya \$1,000 juta sepuluh tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia perlu berhati-hati apabila membelanjakan wang membeli barangan dan juga perkhidmatan ketika di luar negeri.

Katanya, kita mesti mengadakan pelbagai daya-saha baru untuk mendapatkan perolehan tinggi daripada negara asing bukan sahaja daripada eksport tetapi juga perkhidmatan dan untuk itu kunci kejayaan ialah meninggikan daya pengeluaran.

"Itulah sebabnya saya membawa Malaysia memandang ke Timur supaya dapat mempelajari etika kerja Jepun dan Korea," katanya.

Menyentuh mengenai eksport dan import, Dr Mahathir berkata, memang lebih mudah membeli secara c.i.f (harga, tambang kapal dan insurans) dan menjual secara f.o.b., kerana sedikit sahaja kerja dijalankan oleh kita tetapi perolehan yang didapati sangatlah kecil.

Ke pintu

"Jika negara mahukan keuntungan yang banyak, kita seharusnya cuba menjalankan segala kerja-kerja penghantaran kalau boleh sampai ke pintu rumah mereka. Jika orang lain boleh mengapa tidak kita dan jika tidak boleh, lupakan sahaja cita-cita kita untuk bergiat dalam perdagangan tidak ketara," tegas beliau.

Perdana Menteri menambah, antara pelbagai aktiviti perdagangan antarabangsa, pelancongan boleh menawarkan masa depan yang cerah dan tanda-tanda perolehan awal yang baik:

Malaysia membelanjakan \$2,100 juta untuk pelancongan dan menyambung pelajaran di seberang laut tidak termasuk tambang perjalanan. Pelancongan dalam negeri tahun lalu ialah setengah daripada jumlah itu.